



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 25 JANUARI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	SESI KAUNSELING DITERUSKAN UNTUK ANAK-ANAK GISBH DI PERAK		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/24/sesi-kaunseling-diteruskan-untuk-anak-anak-gisbh-di-perak/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JAIS TO MONITOR GISBH KIDS VIA PROFILING		POSITIF
	https://selangorjournal.my/2025/01/jais-to-monitor-gisbh-kids-via-profiling/	SELANGORJOURNAL.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	41 ANAK GISBH DIPULANG KEPADA KELUARGA, JKM TERUSKAN PEMANTAUAN		POSITIF
	https://selangorkini.my/2025/01/41-anak-gisbh-dipulang-kepada-keluarga-jkm-teruskan-pemantauan/	SELANGORKINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	BANTUAN KASIH BANTU HAMPIR 1,000 ANAK YATIM PIATU AKIBAT COVID-19		POSITIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/709139/berita/nasional/bantuan-kasih-bantu-hampir-1000-anak-yatim-piatu-akibat-covid-19#google_vignette	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



25/1/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	SAMI DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL, MILIKI BAHAN LUCAH		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1353197/sami-didakwa-lakukan-amang-seksual-miliki-bahan-lucah	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709035/berita/semasa/sami-didakwa-lakukan-amang-seksual-miliki-bahan-lucah	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1180152/sami-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja-miliki-bahan-lucah	HMETRO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/01/24/sami-didakwa-cabul-remaja-simpan-video-lucah/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	BAPA EMPAT ANAK TIDAK MENGAKU AMANG SEKSUAL KELUARGA TERDEKAT		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/01/24/bapa-empat-anak-tidak-mengaku-amang-seksual-keluarga-terdekat/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/709051/berita/semasa/kerani-didakwa-amang-seksual-anak-saudara	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



INFORMASI DARI NEGARA LUAR



Timbalan Pengarah Eksekutif UNICEF, Ted Chaiban, duduk bersama kanak-kanak di dalam bilik darjah mudah alih semasa lawatannya ke sebuah sekolah yang rosak di Aleppo, Syria. - Foto REUTERS

Topik: 242 juta kanak-kanak terjejas akibat perubahan iklim tahun lalu - UNICEF
[\[LINK\]](#)

NEW YORK: Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mendedahkan sesi pembelajaran kira-kira 242 juta kanak-kanak di 85 negara tahun lalu, terganggu akibat cuaca melampau.

Tabung Kanak-kanak PBB (UNICEF) menerusi laporannya semalam, berkata ia menjejaskan hampir satu pertujuh pelajar, selain mengakui kesal dengan keadaan yang disifatkan sebagai aspek 'diabaikan' dalam krisis iklim.

Berdasarkan laporan itu, jumlah 242 juta berkenaan adalah 'anggaran konservatif', merujuk kepada kekurangan dalam data.

Katanya, gelombang haba memberi kesan terbesar, manakala Pengarah Eksekutif UNICEF, Catherine Russell, dalam kenyataan memberi amaran kanak-kanak lebih 'terdedah' kepada cuaca melampau.

"Pemanasan badan dalam kalangan kanak-kanak berlaku lebih pantas, mereka berpeluh secara kurang cekap, selain penyejukan pula lebih perlahan berbanding dewasa.

"Kanak-kanak tak dapat beri tumpuan di kelas kerna tidak dilengkapi sistem pengudaraan yang mampu mengatasi panas terik, selain gagal ke sekolah jika laluan dilanda banjir ataupun fasiliti berkenaan dihanyutkan bah," katanya.

Aktiviti manusia, termasuk pembakaran bahan api fosil tanpa sekatan selama beberapa dekad, mengakibatkan pemanasan bumi dan mengubah corak cuaca.

Mengikut data tersedia, murid tadika hingga sekolah menengah mengalami penangguhan kelas, pindaan jadual pembelajaran, pembukaan semula sesi pesekolahan tertunda, jadual waktu diubah, dan sekolah rosak atau musnah sepanjang tahun akibat perubahan iklim.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sesi kaunseling diteruskan untuk anak-anak GISBH di Perak

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM 24 Januari 2025, 2:19 pm



SEBAHAGIAN kanak-kanak GISBH yang diselamatkan dalam Op Global sebelum ini.

IPOH – Bantuan kebajikan kepada 55 kanak-kanak yang berada di bawah pengurusan GISB Holdings Sdn. Bhd (GISBH) Perak yang sudah dituntut oleh ibu bapa dan waris masing-masing baru-baru ini terus menjadi keutamaan kerajaan negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Salbiah Mohamed berkata, inisiatif terhadap kanak-kanak itu akan diteruskan terutamanya melibatkan sesi kaunseling.

Katanya, pada peringkat awal pihaknya bertindak berdasarkan kes yang diberikan terutamanya melibatkan perlindungan dan soal kebajikan.

“Isu-isu kebajikan ini akan sentiasa berterusan bukan sahaja fokus isu GISBH ini kerana mana-mana yang melibatkan kebajikan terutamanya kanak-kanak memang dalam tindakan dan pemerhatian JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) Perak,” katanya pada Majlis Pelancaran dan Penyerahan Watikah Ahli Perwakilan Persidangan Perundingan Wanita Perak 2025 di Foyer SUK, Bangunan Perak Darul Ridzuan. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Selangor Islamic Religious Department director Dato' Mohd Shahzihan Ahmad speaks to Media Selangor at the Jais headquarters in Shah Alam on June 23, 2023. — Picture by NUR ADIBAH AHMAD IZAM/MEDIA SELANGOR

Jais to monitor GISBH kids via profiling

© January 24, 2025 6:49 pm

SHAH ALAM, Jan 24 – The Selangor Islamic Religious Department (Jais) will use profiling to monitor children rescued from GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) premises, who have been returned to their families.

Its director Dato' Mohd Shahzihan Ahmad said the system lets the department track the children's movements while facilitating interaction between them and monitoring teams.

"This approach helps us understand their whereabouts and interact with them, and lets us

"With profiling, we can keep them in our radar while mobilising efforts to reintegrate them to adapt to society," he said during an interview with *Media Selangor* after the launch of Menara Zakat Sultan Idris Shah here yesterday.

Previously, state executive councillor for women empowerment and welfare Anfaal Saari reported that 41 children rescued from GISBH last year were returned to their families under a Shah Alam Magistrates' Court directive.

"All the children were returned to their parents under the condition of an RM500 non-collateral bond.

"If they comply with the stipulated conditions for a year or until they turn 18, they need not pay the bond," she said in a video on social media.

Anfaal said the state government will continue monitoring the children to ensure they receive proper care.

"We hope these children will be nurtured with love and care. The Social Welfare Department (JKM) will maintain its efforts to ensure they are adequately protected," she added.

Meanwhile, JKM previously indicated its intention to seek court approval to extend custody of some GISBH children as their interim protection orders are set to expire at the end of this month.

Shahzihan said around 60 members had voluntarily joined the rehabilitation programme conducted by the Selangor Islamic Religious Council.

"They have been placed in a specific location, but rehabilitation must continue within the community.

"The modules are ready for implementation, and rehabilitation will take place at mosques, surau, and Jais schools," he said.

On September 10 last year, police raided 20 GISBH premises across Selangor and Negeri Sembilan under Op Global on suspicion of human trafficking and other offences.

A total of 402 children, aged one to 17, were rescued during the operation, believed to have been victims of exploitation, neglect, and abuse.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sebahagian daripada 29 Individu yang dikaitkan dengan GISB Holdings Sdn Bhd (GISBH) direman untuk membantu siasatan pada 22 September 2024. Foto BERNAMA

41 anak GISBH dipulang kepada keluarga, JKM teruskan pemantauan

by Sofia Nasir © January 24, 2025 11:39 am

SHAH ALAM, 24 JAN: Seramai 41 kanak-kanak yang diselamatkan dari premis Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISBH) tahun lalu, dipulangkan ke pangkuan keluarga masing-masing semalam.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata perintah dikeluarkan Mahkamah Majistret Shah Alam atas cadangan perlindungan kanak-kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Semua kanak-kanak dipulangkan kepada ibu bapa dengan syarat bon tanpa cagaran sebanyak RM500.

"Dalam tempoh setahun atau sehingga kanak-kanak tersebut berumur 18 tahun dan tidak melanggar syarat yang ditetapkan, mereka tidak perlu bayar bon tersebut," katanya menerusi rakaman video di media sosial.

Anfaal menambah, seramai 40 lagi kanak-kanak pula dijangka dipulangkan kepada ibu bapa masing-masing bermula hari ini di Mahkamah Majistret Shah Alam.

Menurutnya, Kerajaan Negeri akan memantau dari semasa ke semasa bagi memastikan kanak-kanak terbabit bawah jagaan yang baik.

"Kita harap kebajikan anak-anak ini sentiasa terpelihara dan dijaga dengan penuh kasih sayang. JKM akan teruskan pemantauan untuk pastikan mereka dapat perlindungan sewajarnya," katanya.

Sebelum ini, JKM dilapor berhasrat memohon kebenaran mahkamah bagi melanjutkan penjagaan sebahagian anak-anak GISBH susulan tempoh perlindungan hak jagaan sementara (IPO) yang berakhir hujung bulan ini.

Pada 10 September tahun lalu, polis menyerbu 20 premis GISBH di sekitar Selangor dan Negeri Sembilan selepas mengesyaki kumpulan itu melakukan kesalahan dalam kegiatan pemerdagangan orang dan kesalahan lain.

Dalam Op Global itu, seramai 402 kanak-kanak dan remaja berusia setahun hingga 17 tahun diselamatkan selain dipercayai menjadi mangsa eksploitasi, pengabaian dan penganiayaan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	MASYARAKAT KENA BUANG PREJUDIS DISKRIMINASI TERHADAP OKU		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	25 JAN 2025	M/SURAT :	13
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Masyarakat kena buang prejudis, diskriminasi terhadap OKU

Dr Siti Salina Abdullah,
Kauselor Berdaftar,
Lembaga Kaunselor Malaysia

Saya terpenggil berceloteh mengenai kejadian menyayat hati membabitkan lelaki kurang upaya mental dikenali dengan nama panggilan Paijang yang menjadi mangsa pulk di Kemaman, baru-baru ini.

Isu ini membuka lembaran penting untuk kita membincangkan realiti golongan orang kurang upaya (OKU), khususnya individu berkeperluan khas mental.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menggariskan tujuh kategori OKU, iaitu pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, pembelajaran, mental dan kurang upaya pelbagai.

Berdasarkan laman web JKJ, pendaftaran bagi individu kurang upaya mental hanya boleh disahkan pakar psikiatri berdaftar dengan Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) dan individu berkenaan mestilah sudah menjalani rawatan sekurang-kurangnya dua tahun.

Dalam konteks kaunseling pelbagai budaya, OKU adalah golongan minoriti mempunyai cabaran tersendiri. Prejudis dan diskriminasi adalah

halangan utama bagi golongan itu.

Stigma masyarakat melihat golongan ini berbahaya dan perlu dijauhi. Mereka sering dilabel dengan panggilan jelek, manakala hak mereka selalu dinafikan.

Saya teringat kisah seorang artis berkongsi rasa kesal terhadap diskriminasi yang berlaku pada anak istimewanya ketika berada di restoran di ibu kota untuk makan malam.

Tergambar kekecewaan pada beliau yang mengharap orang ramai supaya lebih peka dengan golongan istimewa ini, sekali gus memberi ruang untuk golongan ini menumpang lalu dalam kehidupan masyarakat normal.

Sokongan kepada OKU

Cabaran seterusnya adalah sokongan kepada golongan OKU. Sokongan boleh hadir dalam pelbagai bentuk seperti memaksimumkan potensi individu kurang upaya dan memperkasakan mereka dalam konteks kemahiran kehidupan.

Penilaian awal boleh dilaksanakan bagi mengenal pasti minat dan kekuatan mereka. Melalui ke-

cenderungan minat, kita dapat membimbing mereka mengekspresikan diri dan meningkatkan rasa penghargaan sendiri melalui kelebihan yang mereka ada. Malah perancangan kerjaya bersesuaian juga boleh dibuat berdasarkan minat dan keupayaan mental mereka.

Tanggungjawab sosial individu signifikan dan masyarakat penting bagi menstabilkan emosi golongan OKU, sekali gus mengurangkan pencetus kepada tingkah laku agresif dan tidak adaptif.

Tidak dinafikan, ahli keluarga ada kalanya penat, letih dan bosan untuk melayan kerenah golongan OKU, namun ia bukanlah tiket untuk pengabaian dan penderaan terhadap golongan ini.

Sebagai alternatif, ahli keluarga atau penjaga kepada golongan OKU boleh mendapatkan sokongan dan perkhidmatan kaunseling di pelbagai agensi seperti JKJ dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Apa yang kita harapkan adalah kejadian yang menimpa Paijang dapat memberi kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap golongan kurang upaya mental sepertinya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	URGENT REFORMS NEEDED TO ENCOURAGE OKU INCLUSION, SAY EXPERTS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	25 JAN 2025	M/SURAT :	10
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Urgent reforms needed to encourage OKU inclusion, say experts

By **ALLISON LAI** and **RAGANANTHINI VETHASALAM**
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Urgent reforms in disability inclusion are needed following recent cases of mistreatment involving persons with disabilities (OKU) – highlighting societal attitudes and legislative shortcomings, say several disability interest groups.

Although some argue that such abuse stems from a lack of awareness and education, consultant paediatrician and child disability activist Datuk Dr Amar-Singh HSS said the reality is that OKU are stigmatised and discriminated against due to a lack of inclusivity and compassion in society.

“We are, at large, an intolerant

society. We are intolerant of diversity on many fronts and levels, not only regarding disability but also gender, age, ethnicity and stateless communities,” he said in an interview yesterday.

Dr Amar stressed that fostering a culture of compassion for vulnerable groups cannot happen without clear leadership and direction from the government at every level.

The recent mob assault on a person with a disability in Terengganu revealed a deep-rooted lack of tolerance and understanding within society, he said.

“While Malaysia took initial steps by enacting the Persons with Disabilities (PWD) Act 2008 and ratifying the UN Convention on the Rights of Persons with

Disabilities (CRPD), we lag behind our neighbours.

“The PWD Act is ineffective and lacks enforceability, making it powerless to protect the rights of OKU,” Dr Amar added.

He urged the government to amend the PWD Act to align with the CRPD and establish a clear grievance redress mechanism.

He also criticised the lack of transparency in the amendment process, and urged that the OKU community be consulted widely.

Additionally, he said Malaysia should include ‘disability’ in the Federal Constitution to prohibit discrimination explicitly.

Malaysian Federation of the Deaf adviser Mohamad Sazali Shaari said people often lack the patience to understand the limita-

tions of OKU.

He said society frequently labels OKU as incapable without getting to know them, viewing them as victims of circumstance.

“OKU are citizens of this country with equal rights as stated in the Federal Constitution,” he said.

He urged employers not to focus solely on tax benefits but to treat OKU equally and provide the necessary facilities for them.

Yeong Moh Foong, a CSR senior executive at One-Two-Boost, pointed out that stigma is a significant challenge for OKU, particularly those with mental disabilities.

She said public awareness about OKU remains generally low and stressed the importance of treating everyone as “fellow human beings” regardless of

their differences.

Her organisation, which employs 10 OKU staffers, has implemented measures to create a disability-friendly environment.

Lai Chong Haur, who founded Seven Tea One, a social enterprise that trains and employs marginalised youth with special needs, said people often underestimate their capabilities or feel uncertain about interacting with them.

“Despite these challenges, their successes have been remarkable. Customers frequently express admiration for the exceptional service and dedication shown by them,” he said.

Lai said public awareness is crucial for fostering sensitivity and understanding towards individuals with disabilities.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bantuan Kasih bantu hampir 1,000 anak yatim piatu akibat Covid-19

 MOHD AZLIM ZAINURY [Follow](#)

24 Januari 2025 07:04pm



Ismail Sabri (kiri) ketika melawat keluarga Na Ai Tin, 43, di Taman Yayasan di sini sempena program Ziarah Kasih.



Ismail Sabri (kiri) ketika melawat Na Ai Tin (tiga dari kanan) di Taman Yayasan di Jerjarom di sini sempena program Ziarah Kasih pada Jumaat

JENJAROM - Yayasan Keluarga Malaysia (YKM) mengeluarkan dana menerusi Bantuan Kasih sebanyak RM3 juta setahun bagi menjaga kebajikan hampir 1,000 anak yatim dan yatim piatu yang kehilangan ibu bapa mereka akibat pandemik Covid-19.

Pengerusinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, YKM akan mula mengkreditkan Bantuan Kasih ini kepada semua penerima yang layak pada tanggal 30 hari bulan pada setiap bulan.

Jelasnya, dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah YKM pada Disember tahun lalu bersetuju untuk memberi secara bulanan kepada semua penerima yang layak agar setiap penerima dapat menggunakan bantuan tersebut dengan sebaiknya tanpa perlu menunggu satu tempoh lama.

"Insyaa-ALLAH pada 30 Januari ini dan pada tarikh yang sama setiap bulan, bantuan akan dikreditkan secara dalam talian.

"Bantuan Kasih ini akan disalurkan kepada hampir 1,000 penerima dengan implikasi kewangan sebanyak RM3 juta setahun dan jumlah ini dijangka meningkat kerana kita masih menerima borang permohonan baharu dan dalam proses tapisan," ujarnya.

Beliau yang juga bekas Perdana Menteri berkata demikian ketika ditemui ketika melawat Na Ai Tin, 43, di Taman Yayasan di sini sempena program Ziarah Kasih.

Program Ziarah Kasih itu turut mendapat tajaan daripada pasar raya besar terkemuka iaitu AEON BiG.

Ai Tin yang kehilangan suami, Tan Heeng Kooi akibat pandemik Covid-19 pada Ogos 2021 merupakan salah seorang daripada seramai 16 penerima berketurunan Cina di seluruh negara yang menerima bantuan khas perayaan Tahun Baharu Cina.

Kesemua mereka menerima sumbangan sebanyak RM300 melalui pembayaran secara dalam talian.

Mengulas lanjut mengenai Bantuan Kasih, Ismail Sabri turut memaklumkan, anak-anak yang berusia sehingga 15 tahun menerima RM200 setiap bulan menerusi Bantuan Kasih bermula tahun ini.

Jelasnya, bagi yang berusia 17 hingga 18 tahun hingga tamat pengajian ijazah pertama pula akan menerima bantuan bulanan sebanyak RM250.

"Kaedah pembayaran bantuan baharu secara bulanan ini melihatkan peningkatan jumlah bantuan keseluruhan sebanyak RM400 kepada RM2,400 bagi kategori A dan kategori B sebanyak RM500 kepada RM3,000," ujarnya.

Sebelum ini, katanya, anak-anak yang berusia di bawah 16 tahun menerima bantuan sebanyak RM2,000 setahun manakala remaja yang berusia 16 tahun sehingga tamat pengajian ijazah pertama menerima bantuan sebanyak RM2,500 setahun.

Beliau menambah, pemohon yang layak akan dimaklumkan dalam masa terdekat melalui e-mel dan aplikasi WhatsApp.

"YKM juga ingin menyeru orang ramai yang terkesan akibat Covid-19 untuk menghubungi di talian 03-2202 7493 atau emel ke admin@yayasankeluargamalaysia.org.my

bagi mendapatkan bantuan yang sewajarnya mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan YKM" tambahnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : TUNGGU LAPORAN DOKTOR

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 25 JAN 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

OKU DIPUKUL DI PASAR TANI

Tunggu laporan doktor

Kuala Terengganu: Polis masih menunggu laporan perubatan seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) yang menjadi mangsa pukul dalam insiden di Pasar Tani Padang Astaka Chukai, Kemaman pada 17 Januari lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kemaman Deputy Superintendan Wan Muhammad Wan Ja'afar berkata, pihaknya menghantar dan merujuk kertas siasatan membabitkan mangsa, Nor Al Faizan Jusoh, 47, kepada Jabatan Peguam Negara.

Beliau bagaimanapun

berkata, selepas penelitian dan semakan keterangan, pejabat timbalan pendakwa raya mengarahkan polis mendapatkan laporan lengkap perubatan dari Hospital Kemaman.

“Oleh itu, polis menasihatkan orang ramai atau pengguna media sosial supaya tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh mengganggu siasatan atau mendatangkan kegusaran awam.

“Tindakan undang-undang boleh diambil kepada mana-mana pihak yang melanggar peraturan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Sami didakwa lakukan amang seksual, miliki bahan lucah

Oleh Asrol Awang - Januari 24, 2025 @ 3:28pm
bhnews@bh.com.my



Tertuduh tidak mengaku bersalah atas tuduhan melakukan amang seksual terhadap remaja lelaki di sebuah kuil, tahun lalu. - Foto NSTP/MUHAMMAD DELIMA ATAN

KUANTAN: Seorang sami dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas tuduhan melakukan amang seksual terhadap remaja lelaki di sebuah kuil, tahun lalu.

Tertuduh, S Shanmugam, 42, turut dikenakan pertuduhan kedua kerana memiliki bahan lucah dalam telefon bimbitnya.

Bagaimanapun, tertuduh mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Azman Mustapha.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal kepada remaja lelaki berusia 16 tahun kira-kira jam 11.30 malam antara 15 dan 17 Februari tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 15(a)(i) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Bagi pertuduhan kedua, Shanmugam didakwa memiliki video lucah dalam telefon bimbitnya di sebuah bilik kuil itu kira-kira 11.30 malam pada 15 Februari tahun lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 292 Kanun Keseksaan.

Pendakwa dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Anuarul Hakim Abdul Muen, manakala tertuduh diwakili peguam, S Kumeraselvam.

Azman menetapkan jaminan RM8,000 dengan seorang penjamin serta mengenakan syarat tambahan iaitu tertuduh tidak boleh mengganggu mangsa dan saksi berkaitan kes itu.

Beliau kemudiannya menetapkan 25 Februari ini untuk sebutan semula kes.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa empat anak tidak mengaku amang seksual keluarga terdekat

Oleh NOR SHAWAWATI YUP 24 Januari 2025, 4:00 pm



Tertuduh (kiri) di Mahkamah Sesyen Seremban hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap anak saudara perempuannya, tahun lalu. Foto oleh MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN/ KOSMO!

SEREMBAN – Seorang kerani mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap anak saudara perempuannya, tahun lalu.

Tertuduh berusia 39 tahun yang merupakan bapa kepada empat orang anak membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan yang berusia 14 tahun sembilan bulan ketika kejadian di kolam sebuah inap desa dekat Port Dickson pada 9 April 2024.

Sehubungan itu, tertuduh didakwa telah melakukan suatu kesalahan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 14 akta yang sama.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 dengan syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan serta tidak mengganggu saksi.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 4 Mac depan bagi serahan dokumen. – KOSMO! ONLINE